

REKOD PINDAAN

BIL.	KELUARAN	TARIKH	KETERANGAN PINDAAN
01	02	26/10/2011	Buku Catatan Agen Pengembangan dimasukkan sebagai dokumen di dalam prosedur ini dan diletakkan nombor pindaan.
02	03	01/01/2017	Pindaan definasi Lawatan Pengembangan, Agen Pengembangan Kawasan dan Khidmat Nasihat.
03	03	01/01/2017	Pindaan tanggungjawab dan tindakan perkara 1 serta carta alir.
04	03	01/01/2017	Pindaan Buku Catatan Agen Pengembangan dengan memasukkan elemen Pelan Strategik Pengembangan.

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan program lawatan pengembangan dikendalikan dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan petani.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Jabatan Pertanian Daerah dalam melaksanakan lawatan pengembangan ke projek di dalam kawasan JKKK melalui aktiviti berikut :

- 2.1 Lawatan Ladang/Premis
- 2.2 Latihan Petani
- 2.3 Khidmat Nasihat
- 2.4 Petak Demonstrasi

3. RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti

Seksyen 7.1 - Perancangan bagi proses penghasilan dan penyampaian produk atau perkhidmatan.

Seksyen 7.2.1 - Menentukan keperluan produk atau perkhidmatan.

Seksyen 7.2.2 - Semakan semula keperluan produk atau perkhidmatan.

Seksyen 7.5.1 - Kawalan keatas proses penghasilan dan penyampaian produk atau perkhidmatan.

Seksyen 7.5.3 - Identifikasi dan kemudahan.

Seksyen 7.5.5 - Pemeliharaan produk.

Seksyen 8.2.3 - Pemantauan dan pengukuran proses.

Seksyen 8.2.4 - Pemantauan dan pengukuran produk atau perkhidmatan.

Seksyen 8.3 - Kawalan keatas produk atau perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan.

3.2 Manual Pengembangan Pertanian (Edisi Semak Semula 2008)

4. DEFINISI

4.1 Lawatan Pengembangan

Lawatan Pengembangan bermaksud lawatan secara berjadual oleh APK/Pembimbing IAT ke projek – projek pengeluaran tanaman makanan dan industri asas tani dalam kawasan perkhidmatan masing-masing.

APK juga dikehendaki membuat lawatan/program pengembangan di kawasan JKJK. Pecahan lawatan ke projek-projek dan kawasan JKJK oleh APK pada nisbah 3:1.

4.2 Lawatan Ladang / Premis

Lawatan ladang / premis bermaksud lawatan yang dilakukan oleh APK/Pembimbing IAT ke kawasan perkhidmatannya untuk:

4.2.1 Memantau projek-projek pertanian/industri asas tani ke arah pengamalan pertanian baik/pengilangan baik dengan pensijilan myGAP/ myOrganic/ MeSTI/HALAL.

4.2.2 Mendapatkan maklumat-maklumat pertanian, data-data tanaman dan Industri Asas Tani.

4.3 Latihan Petani

Latihan petani bermaksud semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran berhubung pertanian yang dijalankan untuk petani/pengusaha projek pertanian. Latihan dijalankan di kawasan petani/pengusaha sama ada di Balai Raya, ladang/premis atau di tempat-tempat lain serta lawatan sambil belajar.

4.4 Khidmat Nasihat

Lawatan khidmat nasihat adalah merupakan aktiviti tunjuk ajar dan bimbingan mengenai teknologi pertanian/industri asas tani yang disampaikan oleh agen pembangunan/pembimbing IAT kepada petani/pengusaha projek pertanian/industri asas tani. Aktiviti ini dijalankan secara berjadual di peringkat ladang/premis secara latihan amali (*hands-on*) bagi memenuhi keperluan Amalan Pertanian Baik (APB)/Amalan Pengilangan Baik (APB(K)) dan pensijilan myGAP/ myOrganic MeSTI/HALAL.

Lawatan khidmat nasihat mengikut kalender tanaman dan peringkat aktiviti projek adalah untuk tujuan peningkatan kualiti dan hasil pengeluaran.

4.5 Petak Demonstrasi

Petak demonstrasi bermaksud petak dimana sesuatu teknologi dilaksana/ditunjuk dengan tujuan untuk menimbulkan minat dan menyakinkan petani untuk mengamalkan teknologi yang berkaitan.

5. SINGKATAN

JKKK	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
PPD	-	Pegawai Pertanian Daerah
PPPD	-	Penolong Pegawai Pertanian Daerah
APK	-	Agen Pembangunan Kawasan

6. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
APK	1. Rancang dan sediakan Pelan Strategik Pengembangan Kawasan serta jadual lawatan pengembangan dalam Buku Catatan Agen Pengembangan - DOA.PK(U).04.PPP-Pin 1 (secara manual atau digital).
PPD/ PPPD/APK	2. Serahkan Buku Catatan Agen Pengembangan kepada Pegawai Pertanian Daerah/ Pegawai Penyelia untuk semakan dan pengesahan.
APK	3. Laksanakan lawatan pengembangan mengikut jadual.
APK	4. Laporkan butiran pelaksanaan lawatan pengembangan dalam Buku Catatan Agen Pengembangan
APK dan PPD	5. Serahkan Buku Catatan Agen Pengembangan kepada Pegawai Pertanian Daerah/ Pegawai Penyelia untuk semakan dan pengesahan.

7. REKOD KUALITI

Bil.	Rekod Kualiti	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
1.	Buku Catatan Agen Pengembangan (DOA.PK(U).04.PPP-Pin 1)	Daerah	5 tahun

8. CARTA ALIRAN LAWATAN PENGEMBANGAN

